

NWAKAEME (tengah) dijangka merobek gawang UKM FC pada aksi malam ini.



Tok Gajah mahu kecewakan UKM FC

Oleh M. RIZAL NOR

SKUAD Tok Gajah bersedia untuk memastikan pasukan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM FC) berputih mata di laman sendiri menjelang perlawanan pusingan ketiga Piala FA di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Cheras malam ini.

Selaku juara bertahan, Tok Gajah enggan memandangkan rendah kemampuan pasukan dari Liga Premier itu.

Pengurus pasukan Pahang, Datuk Mohammed Suffian Awang berkata, pasukannya perlu berhati-hati berdepan UKM FC kerana kedua-dua pasukan datang dari liga berlainan.

"Kita tidak biasa dengan corak permainan mereka. Jadi, semua pemain perlu berhati-hati agar tidak ada kesilapan mudah dilakukan.

"Kita juga tidak boleh terlalu ghairah memburu gol sehingga membiarkan pihak lawan

PIALA FA

JADUAL PERLAWANAN

PUSINGAN KETIGA

MALAM INI

UKM FC lwn PAHANG
Stadium Kuala Lumpur, Cheras, 9 mlm

PKNP FC lwn PDRM FA
Stadium Majlis Perbandaran Manjung, 9 mlm

JDT lwn PKNS FC
Stadium Tan Sri Dato' Haji Hassan Yunus, Larkin, 9 mlm

JERANTUT FA lwn PERAK
Stadium Tun Abdul Razak, Jengka, 9 mlm

KEPUTUSAN

SELANGOR	1	2	FELDA UTD
KELANTAN UTD	1	3	TFC I
P. PINANG	2	4	KUALA LUMPUR
KEDAH	2	0	PJ CITY

melakukan serangan balas dengan mudah seperti yang berlaku ketika berdepan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS FC) Ahad lalu," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Beliau memberitahu, gandingan penyerang berbisanya, Dickson Nwakaeme dan Ze Love berada pada prestasi terbaik mereka untuk merobek kubu lawan.

"Kedua-dua pemain ini menjadi ayam tambatan untuk kita mengecewakan tuan rumah di hadapan penyokong mereka sendiri," ujarnya.

Menurut Mohammed Suffian, pasukannya juga tidak boleh terlalu menghormati lawan kerana setiap peluang di hadapan gol perlu dimanfaatkan dengan jaringan.

"Kita perlu menang dengan UKM FC untuk layak ke pusingan seterusnya selain berhasrat mengekalkan Piala FA milik Pahang musim ini," jelasnya.